

Tun Dr Wan Junaidi dimasyhurkan sebagai Canselor Unimas

16 Oktober 2024 05:55pm Masa membaca: 2 minit



Tun Dr Wan Junaidi hari ini dimasyhurkan sebagai Canselor keempat Universiti Malaysia Sarawak (Unimas). Foto Bernama

KUCHING - Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar hari ini dimasyhurkan sebagai Canselor keempat Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Istiadat Pemasyhuran berlangsung di Astana Negeri di sini.

Watikah pemasyhuran diserahkan kepada Wan Junaidi oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Pemasyhuran Wan Junaidi telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, bagi menggantikan Canselor Unimas ketiga Allahyarham Tun Abdul Taib Mahmud yang berkuat kuasa 22 Februari lepas hingga 25 Januari 2025.

Turut hadir ke Istiadat Pemasyhuran iti isteri Yang Dipertua Negeri Sarawak, Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi dan Timbalan Premier, Datuk Amar Douglas Uggah Embas merangkap Pro-Canselor Unimas.

Wan Junaidi dalam ucapannya sempena pelantikan itu berkata amanah sebagai Canselor sebuah universiti bukan sahaja satu penghormatan tetapi juga membawa tanggungjawab besar.

"Ia bukan sekadar simbol kepada universiti ini tetapi juga berperanan penting sebagai penggerak aspirasi UNIMAS untuk terus melakar kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Wan Junaidi berkata, keberadaan Unimas selama 32 tahun di Sarawak telah membawa banyak perkembangan dan kemajuan pesat bukan sahaja di kawasan Samarahan yang menjadi lokasi kampus utama universiti itu, malah di kawasan luar bandar seperti Sadong Jaya.

Menurut beliau, Unimas perlu menjadi penggerak dalam pembangunan teknologi dan inovasi terutamanya dalam bidang tenaga boleh diperbaharui serta bidang baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik, sejajar dengan hala tuju ekonomi hijau dan digital kerajaan Sarawak.

"Justeru untuk menyokong usaha kerajaan negeri, Unimas perlu berperanan besar sebagai institusi pendidikan dan penyelidikan yang berinovatif dan kreatif," katanya. - Bernama